

Headline	THT rampas takhta pendahulu MHL		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	63
ArticleSize	233 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,141		



THT rampas takhta pendahulu MHL

JUARA bertahan, Pasukan Hoki Terengganu (THT) menghidupkan peluang untuk mengungguli saingan Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) 2016 selepas membelasah pendahulu liga, Sapura 4-1 di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu semalam, lapor **MOHD. AZLI ADLAN**.

THT yang sebelum ini menghuni tangga ketiga, menjaringkan keempat-empat gol mereka pada perlawanan tersebut menerusi pukulan sudut penalti.



Penyerang import THT kelahiran Korea Selatan, Jang Jonghyun muncul wira selepas meledak hatrik pada minit kelima, 10 dan 21.

Bekas penyerang kebangsaan, Faizal Saari menambah derita skuad Sapura dengan menambah satu lagi gol pada minit ke-48 pada suku ketiga permainan juga menerusi pukulan sudut penalti.

Sapura yang baru meraikan kejayaan muncul juara sulung trofi Piala Tan Sri Alagendra, Selasa lalu sekadar mampu menjaringkan gol saguhati menerusi pukulan penalti Muhamamd Firhan



PENYERANG THT, Faizal Saari (kiri) berjaya melepasi halangan pemain Sapura pada aksi Liga Hoki Malaysia di Kuala Terengganu semalam yang berkesudahan THT menang 4-1.

Ashari pada minit ke-49.

Penjaga gol THT, Mohamad Hazrul Faiz Ahmad Sobri juga harus dipuji kerana bertindak cemerlang mengawal gawang pasukannya daripada dibolosi.

Dia berjaya menangkis banyak peluang yang dijemakan barisan serangan Sapura yang diketuai pemain sensasi, Dengerouslee Mathew.

Kejayaan menewaskan Sapura terse-

but membolehkan pasukan kendalian jurulatih, Sarjit Singh memungut tiga mata berharga, sekali gus merampas takhta liga dengan mengumpul 19 mata.

Sapura terpaksa turun di tangga kedua dengan 18 mata manakala Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) yang tewas mengejut 1-2 di tangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula berada di tempat ketiga.